

PANTANG ANAK DARA BERTUNANG

Siri 33

ADA yang mengusik dengan kata-kata seperti, "Apakah cincin ini betul-betul emas, jangan-jangan tembaga, tak?" Dan lain-lain lagi kata-kata gu-rauan kerana suasana istiadat ini penuh dengan kerian, usik-mengusik sememangnya tidak lepas dari berlaku. Anak-anak dara yang bertunang ini tidak berani menjenguk muka kerana dia dan ibu bapanya yang selalunya menjadi sasaran usikan terutama dari orang-orang muda yang nakal-nakal termasuklah rakannya yang sebaya.

Istiadat mengembang cincin ini dilakukan adalah sebagai mengisytiharkan kepada sanak-saudara dekat rumah, dekat kampung, tempat semenda (orang lelaki dalam suku waris) dan orang semenda (orang lelaki yang datang berkahwin dalam suku waris) tentang pertunangan anak mereka dan rancangan untuk hari perkahwinan, sebelum ini kedua ibu bapa, (kadang-

kadang ada juga melalui saudara terdekat) "merisik khabar dengan pihak lelaki tentang penetapan "hari langsung" yakni hari perkahwinan.


Dan menjadi kelaziman Buapak menyampaikan kepada Datuk Lembaga-nya segala sesuatu yang berlaku dalam 'mengembang cincin' ini serta tentang pertunangan anak sianu dengan seorang teruna dari suku atau waris lain. Ia akan menjelaskan dengan sepenuhnya termasuk hari perkahwinan yang telah ditetapkan.

Jika sekiranya Datuk Lembaganya hadir sama, maka Buapak berkenaan akan menyampaikan segala perkara yang telah dijalankan dan tentang kesempumaannya walaupun Datuk Lembaga ini sudah tahu kerana ia turut sama menyaksikannya. Sebaliknya kalau Datuk Lembaga ini tidak hadir sama maka Buapak ini akan pergi ke rumahnya. Lazimnya akan disertai oleh kedua

ibu bapa gadis dan menyampaikan tentang pertunangan dan lain-lain yang berkaitan termasuklah hari langsung (perkahwinan). Ketika Buapak menyampaikan berita ini lebih dulu ia akan menyampaikan tepak sirih yang dipanggil bujam yang khusus dibawa oleh waris perempuan, membawa bujam adalah salah satu syarat terpenting dalam adat.

Baik Buapak apa lagi Datuk Lembaga dan Penghulu tidak akan menerima anak-anak buahnya mengadap jika tepak sirih atau bujam ini tidak disampaikan sebelum mengeluarkan kata-kata atau menyampaikan satu-satu maksud.

Setelah selesai upacara 'mengembang cincin' ini, Buapak akan menyampaikan kepada anak-anak buahnya yang hadir supaya memberikan sepenuh kerjasama dan bantuan dari hari itu sehingga ke hari langsungnya.



Oleh:
TAN SRI
SAMAD
IDRIS

Memang telah menjadi adat orang-orang di kampung dalam kenduri-kendara lebih-lebih lagi kenduri kahwin yang lazim dipanggil 'beralat' seumpama ini kerjasama di antara orang-orang dekat rumah dekat kampung amat erat dan penuh rasa persaudaraan, di sinilah peranan yang dimainkan oleh Buapak. Dapat dikatakan dalam hal perkahwinan anak-anak buah dalam suku warisnya sama ada berhasil dengan baik atau sebaliknya terletak dalam tangannya.